

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YB. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS  
MOJIGOH

**KAWASAN :** PUTATAN

**TARIKH :** 8 APRIL 2014, SELASA

**SOALAN:**

**YB. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH (PUTATAN)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengapa cadangan pembinaan jejantas berhadapan dengan Sekolah Jenis Kebangsaan Hwa Shiong Putatan - Jalan Putatan (bagi kegunaan murid-murid sekolah serta orang awam) masih belum dibina.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 2 jejantas pejalan kaki yang akan dibina menerusi skop projek Menaiktaraf Jalan dari Sg Petagas menghala ke Lok Kawi Fasa 1A yang kini sedang dalam pembinaan. Jejantas-jejantas tersebut terletak berhampiran Taman Jumbo dan Pasar Tamu yang berhadapan dengan SJK (C), Hwa Shiong Putatan. Selain dari itu, jalan susur ke kawasan SJK (C) Hwa Shiong juga akan dinaiktaraf bagi melancarkan pergerakan kenderaan ke kawasan sekolah berkenaan termasuk penyediaan laluan pejalan kaki.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja pembinaan kedua-dua jejantas ini dijangka akan dimulakan pada bulan Mei 2014 dan siap dalam tempoh 6 bulan kemudian.

Sekian. Terima kasih.